

# Syarahan Dr. Mahathir di UUM

mm - 21/3/2006

ALOR STAR 20 Mac - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan syarahan umum bertajuk *Kepimpinan Mahasiswa: Peranan, Cabaran dan Halatuju* di Universiti Utara Malaysia (UUM), Jumaat ini.

Pengarah Perhubungan Awam UUM, Mohd. Zaini Nasri berkata, syarahan bermula pukul 4.30 petang itu dijangka dihadiri lebih 3,500 mahasiswa dan kakitangan UUM, sempena kunjungan Dr. Mahathir dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali ke universiti berkenaan.

Syarahan itu antara lain bertujuan melahirkan semangat kepimpinan serta mahasiswa berkualiti di samping memberi peluang kepada mahasiswa menyelami pemikiran Dr. Mahathir, katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.